

Zulkifli wakil tunggal negara Sarjana Pelawat di AS

SEREMBAN 11 Julai - Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Zulkifli Hasan dipilih sebagai wakil tunggal negara menjadi Sarjana Pelawat Fulbright AS-ASEAN di Amerika Syarikat (AS) selama empat bulan bermula September ini.

Pengumuman rasmi pemilihan beliau itu dibuat melalui kenyataan oleh pihak misi AS ke ASEAN di bawah program Inisiatif Fulbright AS-ASEAN yang mendapat tajaan Jabatan Negara AS.

Zulkifli yang mewakili negara akan ditempatkan di salah sebuah universiti di AS sehingga Disember ini dan sepanjang berada di negara berkenaan, beliau akan men-

jalankan penyelidikan berkaitan isu-isu perundangan dan kewangan Islam antara AS dan negara ASEAN.

Pemilihan beliau bersama lapan ahli akademik yang mewakili negara ASEAN dilakukan setelah permohonan kepada pihak Inisiatif Fulbright AS-ASEAN bersama kertas cadangan projek penyelidikan masing-masing yang memfokuskan kepada isu-isu yang melibatkan hubungan AS dan ASEAN diterima.

Saringan ketat dibuat kepada setiap permohonan oleh ahli panel



ZULKIFLI HASAN

yang terdiri daripada Anggota Misi AS ke ASEAN, Wakil Tetap Jawatankuasa ASEAN dan Sekretariat ASEAN.

Calon yang disenarai pendek pula akan diserahkan kepada J. William Fulbright Foreign Scholarship Board untuk dipertimbangkan.

Zulkifli dalam kenyataan di sini hari ini berkata, pemilihan beliau ke dalam program itu adalah kejayaan

buat Malaysia dalam usaha melakukan penyelidikan lebih berkesan terhadap isu-isu perundangan dan kewangan Islam.

"Ini adalah satu peluang yang baik untuk membawa nama USIM dan Malaysia melalui perencanaan penyelidikan berkualiti dan hasilnya nanti boleh digunakan untuk meningkatkan lagi kerjasama AS dan ASEAN dalam pelbagai bidang selepas ini," katanya.

Pemilihan beliau sebagai Sarjana Pelawat itu kelak turut menjadikan Zulkifli sebagai Alumni kepada peserta Program Fulbright di seluruh dunia yang kini berjumlah kira-kira 318,000 orang iaitu 120,000 orang dari AS dan 198,000 lagi merupakan sarjana dari pelbagai negara.

"Mereka semua memberi sumbangan signifikan kepada bidang sains, ekonomi, pendidikan dan keselamatan maritim," katanya.

Program Inisiatif Fulbright AS-ASEAN diumumkan secara rasmi oleh Setiausaha Negara AS, Hillary Clinton pada 2012 semasa mesyuarat peringkat Menteri AS-ASEAN sebagai tanda menghargai persahabatan dan kerjasama baik selama 36 tahun negara itu bersama sejabat ASEAN.

Program Fulbright telah diasaskan oleh Senator AS, J. William Fulbright pada 1946 dan mendapat tajaan dana Jabatan Negara AS dengan kerjasama kerajaan negara-negara terlibat.

Penubuhannya bertujuan meningkatkan persefahaman antara rakyat AS dan masyarakat dunia dengan menggunakan platform program pertukaran pendidikan.